



SIARAN MEDIA

KPKT TERUS JAYAKAN AGENDA PENYEDIAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERSEKITARAN BERKUALITI

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2023 - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia (SHKPS) Tahun 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada petang ini.

Bertemakan 'Persekitaran Lestari, Negara Madani', penganjuran SHKPS 2023 bertujuan untuk meraikan kepentingan kesihatan persekitaran dalam pencegahan dan kawalan faktor-faktor biologikal, kimia dan fizikal yang mengancam kesihatan serta kesejahteraan manusia sejagat. Ia disambut tanggal 26 September setiap tahun bermula tahun 2011 dan telah diisytiharkan sebagai Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia. Pengisytiharan ini dibuat dalam Majlis Mesyuarat *International Federation of Environmental Health (IFEH)* yang bersidang pada 26 September 2011 di Bali Indonesia.

Selain itu, SHKPS 2023 juga memperlihatkan peranan penting KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Kebersihan dan Kesihatan Persekitaran. Pengiktirafan sumbangan dan peranan pengamal kesihatan persekitaran dalam menangani pelbagai isu kesihatan persekitaran di kawasan PBT menjadi salah satu agenda tahunan utama KPKT. Majlis SHKPS 2023 turut memberi pengiktirafan kepada PBT yang cemerlang dalam pelaksanaan kempen-kempen kesihatan persekitaran anjuran KPKT bagi tahun 2022 dan 2023 serta Pertandingan Pengiktirafan Medan Selera Bersih di Kawasan PBT Tahun 2023.

Bermula tahun 2021, KPKT telah menganjurkan Kempen Kesihatan Persekitaran yang melibatkan PBT di seluruh negara. Kempen ini melibatkan lima (5) sub program utama Kesihatan Persekitaran iaitu Kempen Pencegahan Denggi atau Membasmi Wabak /

Hotspot Denggi di Kawasan PBT, Kempen Membasmi Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih dan Kempen Tandas Awam Bersih. Kempen ini telah melibatkan sebanyak 155 PBT (Tahun 2021), 134 PBT (Tahun 2022) dan 55 PBT (Tahun 2023).

Bagi tujuan tersebut, peruntukan berjumlah RM3,297,000 telah disalurkan kepada semua PBT yang terlibat selama tiga tahun pelaksanaan kempen. Peruntukan pada tahun 2021 berjumlah RM1,248,000, manakala RM1,000,000 bagi tahun 2022, dan sebanyak RM1,049,000 bagi tahun 2023. Ini penting untuk menyokong pelaksanaan kempen dan dorongan supaya terus meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan kesihatan persekitaran di kawasan PBT terlibat.

Dalam memacu **agenda utama** pasukan KPKT ke arah membangunkan “**Malaysia MADANI**”, ciri-ciri persekitaran yang mampan sama ada dari segi **Built Environment** atau **Natural Environment** penting kepada setiap rakyat Malaysia. Ini termasuklah dari aspek **Infrastruktur Fizikal** yang mencukupi dengan kemudahan awam, pengangkutan awam dan taman awam dan **Persekitaran yang Berkualiti** seperti persekitaran yang selamat, ceria, dan mengandungi unsur-unsur “*green environment*”.

Selaras dengan bidang fokus baharu KPKT, penganjuran majlis SHKPS juga bertujuan menyokong aspirasi KPKT di dalam membangun dan memperkasakan peranan Kerajaan Tempatan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan persekitaran yang terbaik kepada rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

